

04 NOV 2000

Rafidah-Jajah

JANGAN BIARKAN M'SIA DIJAJAH LAGI, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Generasi muda dinasihatkan jangan membiarkan negara dibelenggu oleh penjajahan dalam bentuk baru iaitu penjajahan minda, budaya dan masyarakat.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata generasi muda yang menentang pemimpin dan negara, secara tidak langsung atau secara langsung, membuka jalan kepada negara luar untuk menjajah dan mempengaruhi minda dan politik negara.

"Jangan izin penjajahan jenis baru ini kerana kesannya lebih buruk daripada penjajahan kolonial," kata beliau kepada pemberita selepas majlis Anugerah Pelajar Cemerlang 2000 UPSR, PMR dan SPM tahun 1999, anjuran Umno Bahagian Cheras, hari ini.

Generasi muda telah diberi peluang untuk memajukan diri mereka melalui pelbagai program yang dirancang kerajaan.

Seandainya, generasi muda ini masih menentang kerajaan dan membiarkan diri mereka dipengaruhi oleh kuasa luar, diri mereka sendiri perlu dipersalahkan, kata beliau.

"Dalam soal ini, kita yang menentukan hala tuju kita. Jadi kalau ini berlaku jangan salahkan sesiapa, jangan salahkan penjajah. Salahkan diri," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang mengatakan Bumiputera terutamanya orang Melayu tidak boleh lagi menyalahkan penjajah atau kaum-kaum lain jika masih gagal mengubah nasib mereka.

Terdahulu, Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyampaikan hadiah kepada 78 pelajar cemerlang.

Beliau turut menyampaikan 21 unit komputer sumbangan Western Digital Sdn Bhd kepada 15 sekolah angkat Umno Bahagian Cheras.

Dalam ucapannya, Rafidah berkata pendidikan dalam teknologi maklumat perlu dipupuk pada usia muda sekiranya negara ini mahu bersaing dengan negara maju.

Beliau menyambut baik sumbangan pihak swasta seperti komputer kepada sekolah-sekolah sebagai salah satu daripada aktiviti sosial mereka.

-- BERNAMA

ZUE ZS PR